

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 23 April 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
MAC 2021

IHP meningkat kepada 1.7 peratus pada Mac 2021

PUTRAJAYA, 23 April 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Mac 2021. Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, "Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan 1.7 peratus pada bulan Mac 2021 kepada 122.9 berbanding 120.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini merupakan peningkatan positif bagi dua bulan berturut-turut sejak Februari 2021. Peningkatan IHP keseluruhan ini adalah didorong oleh peningkatan indeks Pengangkutan (9.8%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.5%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (1.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.9%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%); Kesihatan (0.5%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.5%) yang menyumbang 64.0 peratus kepada keseluruhan wajaran".

Jelas beliau lagi, "Daripada 552 item yang diliputi di dalam IHP, 338 item menunjukkan peningkatan pada Mac 2021. Sebaliknya, 141 item mencatatkan penurunan manakala 73 item tidak berubah. Berdasarkan prestasi 552 item mengikut kategori barangan dan perkhidmatan, Barang Tidak Tahan Lama (296 item) adalah kategori paling banyak mengalami kenaikan harga iaitu 209 item, 73 item menurun dan 14 item tidak berubah berbanding kategori Perkhidmatan, Barang Semi Tahan Lama dan Barang Tahan Lama".

Walau bagaimanapun, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain menunjukkan penurunan 0.8 peratus dan diikuti oleh Pakaian & Kasut (-0.3%). Sementara itu, IHP bagi suku tahun pertama 2021 meningkat 0.5 peratus kepada 122.5 berbanding 121.9 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahunan pula, IHP mencatatkan peningkatan 1.8 peratus berbanding suku tahun keempat 2020.

Sementara itu, bagi perbandingan bulanan, IHP turut meningkat 0.3 peratus berbanding Februari 2021. Peningkatan ini telah disumbangkan oleh Pengangkutan (2.3%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.6%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.4%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.1%); Restoran & Hotel (0.1%) dan Kesihatan (0.1%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan, "IHP tanpa bahan api meningkat 0.5 peratus pada Mac 2021 kepada 113.7 berbanding 113.1 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api adalah meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel".

Purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON95 menunjukkan peningkatan pada Mac 2021 iaitu RM2.05 per liter berbanding RM1.74 pada Mac 2020. Selain itu, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON97 meningkat kepada RM2.42 per liter berbanding RM2.04, manakala purata harga Diesel meningkat kepada RM2.15 per liter daripada RM1.89 berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Indeks teras meningkat 0.7 peratus pada Mac 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara kumpulan utama yang bertindak sebagai pendorong kepada kenaikan ini adalah kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.1%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (1.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.9%); Pengangkutan (0.6%); Kesihatan (0.5%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.5%). Indeks teras meliputi barangan tidak termasuk item makanan segar dengan harga paling tidak menentu serta barangan dan perkhidmatan harga dikawal.

Lima negeri iaitu Terengganu (2.8%), Kelantan (2.3%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.9%), Pahang (1.9%) dan Negeri Sembilan (1.8%) menunjukkan peningkatan melepasi paras IHP nasional 1.7 peratus pada Mac 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu pada 2.2 peratus. Ini diikuti oleh Terengganu (2.0%), Pahang (1.9%), Kelantan (1.8%) dan Perak (1.7%).

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 APRIL 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, April 23rd, 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
MARCH 2021**

CPI increased to 1.7 per cent in March 2021

PUTRAJAYA, 23 April 2021 – Department of Statistics, Malaysia has released the report on Consumer Price Index (CPI) for March 2021. Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, “Consumer Price Index (CPI) increased 1.7 per cent in March 2021 to 122.9 as against 120.9 in the same month of the preceding year. This is a positive increase for two consecutive months since February 2021. The increase in the overall index was driven by the index of Transport (9.8%); Food & Non-Alcoholic Beverages (1.5%); Miscellaneous Goods & Services (1.0%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.9%); Alcohol Beverages & Tobacco (0.6%); Health (0.5%) and Recreation Services & Culture (0.5%) which contributed 64.0 per cent to overall weight”.

He added that “Out of 552 items covered in CPI, 338 items showed an increase in March 2021. On the contrary, 141 items declined, while 73 items were unchanged. Based on the performance of 552 items by category of goods and services, Non-Durable Goods (296 items) is a category that experienced the most price increased with 209 items, 73 items decreased and 14 items were unchanged as compared to Services, Semi-Durable Goods and Durable Goods”.

Nevertheless, Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels declined by 0.8 per cent, followed by Clothing & Footwear (-0.3%). Meanwhile, the CPI in the first quarter of 2021 inclined 0.5 per cent to 122.5 as compared to 121.9 in the same quarter of the preceding year. On quarterly basis, the CPI increased 1.8 per cent as compared to the fourth quarter of 2020.

Meanwhile, on a monthly basis, CPI increased by 0.3 per cent as compared to February 2021. The increase was attributed by Transport (2.3%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.6%); Recreation Services & Culture (0.4%); Alcoholic Beverages & Tobacco (0.1%); Restaurants & Hotels (0.1%) and Health (0.1%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "The CPI without fuel increased 0.5 per cent in March 2021 to 113.7 as compared to 113.1 in the same month of the preceding year. CPI without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel".

The average price of Unleaded Petrol RON95 in March 2021 increased to RM2.05 per litre as compared to RM1.74 in March 2020. Similarly, the average price of Unleaded Petrol RON97 increased to RM2.42 per litre as compared to RM2.04, while the average price of Diesel increased to RM2.15 per litre from RM1.89 as compared the corresponding month of the preceding year.

Core index rose 0.7 per cent in March 2021 as compared to the same month of the previous year. Among the major groups which influenced the increase were Food & Non-Alcoholic Beverages (1.1%); Miscellaneous Goods & Services (1.0 %); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.9%); Transport (0.6%); Health (0.5%) and Recreation Services & Culture (0.5%). Core index excludes most volatile items of fresh food as well as administered prices of goods and services.

Five states namely Terengganu (2.8%), Kelantan (2.3%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (1.9%), Pahang (1.9%) and Negeri Sembilan (1.8%) surpassed the national CPI rate of 1.7 per cent in March 2021 as compared to the same month of the previous year.

All states registered an increase in the index of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya 2.2 per cent. This was followed by Terengganu (2.0%), Pahang (1.9%), Kelantan (1.8%) and Perak (1.7%).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
23 APRIL 2021**